

## **Penguasaan tatabahasa guru mata pelajaran bahasa Melayu tingkatan enam**

### **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 6 Atas yang merupakan pengajaran tertinggi di sekolah sebelum para pelajar mereka menjejakkan kaki ke menara gading. Penyelidikan ini dijalankan dengan memilih lokasi sekolah secara rawak, tetapi haruslah terdiri dari sekolah yang berada di bandar dan di luar bandar di seluruh negara. Semua responden diminta memenuhkan soal selidik dan menjawab ujian tatabahasa bahasa Melayu dalam masa 90 minit. Data dalam soal selidik dan ujian tatabahasa ini dikumpulkan dan dianalisis. Penyelidikan ini mendapati bahawa semua responden menghadapi masalah dan masih keliru dalam semua aspek tatabahasa yang dikemukakan dalam ujian. Aspek tatabahasa yang kesalahannya melebihi 50% ialah kata pemerli 82%, klausa 74%, predikat 58%, morfologi 53%, kata penguat 52%, golongan kata 75% dan tanda baca 81%. Kesalahan aspek tatabahasa yang dilakukan oleh para guru yang sangat ketara ialah kata pemerli, klausa dan tanda baca, manakala aspek predikat, morfologi, kata penguat adalah pada sekitar 50% kesalahan. Para guru juga mempunyai masalah dalam aspek-aspek yang lain, cuma kurang ketara sangat dan berada di bawah 50% kesalahan seperti kata hubung, ayat majmuk, semantik, imbuhan, sintaksis, frasa, subjek, kata majmuk, kata ganda, dan ayat aktif. Hal ini mempunyai kesan kepada para pelajar mereka yang kurang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu STPM.